

**SOALAN NO. 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING [ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 22 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai warga Sabah yang telah dapat Biasiswa Kerajaan Persekutuan / Badan Kerajaan Berkaitan antara Tahun 2013 hingga ke 2017 dan adakah benar dakwaan bahawa proses pertimbangan pembahagian biasiswa tersebut diagihkan dengan mengambil-kira status kaum dan agama pemohon tersebut.

77

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2017, seramai 2,051 orang warga Sabah telah ditawarkan penajaan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan sama ada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam luar negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,948 orang (95%) adalah pelajar dan 103 (5%) adalah golongan penjawat awam.

Bagi bumiputera Sabah juga, Kerajaan telah menyediakan kuota sebanyak 5% daripada jumlah penajaan yang disediakan. Pelajar-pelajar bumiputera Sabah yang cemerlang juga akan dipertimbangkan penajaan walaupun telah melebihi kuota 5%.

Pemilihan calon-calon ini adalah berasaskan dengan kecemerlangan akademik dan latar belakang sosioekonomi keluarga. Di samping itu, atas keprihatinan Kerajaan, golongan *socially disadvantaged* iaitu calon yang berada dalam kategori B40 akan diberi keutamaan. Komposisi kaum antara bumiputera dan bukan bumiputera juga diambilkira bagi memastikan agihan yang lebih menyeluruh dan adil.

Sekian, terima kasih.